

## PILIHAN BAHASA DALAM DOMAIN PENDIDIKAN KEAGAMAAN DI BAGAN SERAI, PERAK

MOHD KHAIDIR ABDUL WAHAB\*

Universiti Kebangsaan Malaysia

[Mohdkhaidir@usm.my](mailto:Mohdkhaidir@usm.my)

CHONG SHIN

Universiti Kebangsaan Malaysia

[chongshin@ukm.edu.my](mailto:chongshin@ukm.edu.my)

KARIM HARUN

Universiti Kebangsaan Malaysia

[linguist@ukm.edu.my](mailto:linguist@ukm.edu.my)

JAMALUDIAN ASAARI

Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai

[kaluadagang2@gmail.com](mailto:kaluadagang2@gmail.com)

\*Pengarang Perantara

### ABSTRAK

Bagan Serai, Perak, adalah salah satu kawasan penyebaran masyarakat Banjar diaspora di Alam Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola pilihan bahasa dalam domain pendidikan di madrasah yang ditubuhkan sebagai institusi agama Islam. Kajian ini memberi tumpuan kepada Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, yang diasaskan oleh komuniti Banjar. Kerangka teori yang digunakan adalah teori Fishman mengenai pilihan bahasa, yang memberi tumpuan kepada pola pilihan bahasa dalam domain pendidikan, baik di dalam maupun di luar bilik darjah. Menurut teori ini, pilihan bahasa mencerminkan bukan sahaja keperluan komunikasi, tetapi juga kedudukan sosial, identiti budaya, dan peranan setiap bahasa dalam struktur sosial. Penyelidikan ini melibatkan kaedah pemerhatian ikut serta, rakaman tidak sedar, dan temu bual untuk mengumpul data. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard dan bahasa Arab menjadi bahasa utama dalam konteks formal dan keagamaan, sementara dialek Melayu Kedah, bahasa Inggeris, dan bahasa Banjar digunakan dalam aktiviti sosial dan bukan formal. Penggunaan bahasa Arab dalam doa dan pengajaran menonjolkan peranan utamanya dalam aspek keagamaan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Banjar dalam interaksi sosial mencerminkan ikatan budaya yang dipelihara dalam kalangan komuniti tersebut, meskipun bahasa Melayu dan bahasa Arab mendominasi dalam konteks keagamaan dan pendidikan. Kajian ini menyimpulkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga merupakan medium penting dalam memupuk identiti budaya serta kepelbagaiannya linguistik dalam kalangan komuniti madrasah.

**Kata kunci:** Domain pendidikan; madrasah; masyarakat Banjar diaspora; pilihan bahasa; sosiolinguistik.

## LANGUAGE CHOICE IN THE RELIGIOUS EDUCATION DOMAIN IN BAGAN SERAI, PERAK

### ABSTRACT

Bagan Serai, Perak, is one of the areas where the Banjar diaspora community is spread across the Malay Archipelago. This study aims to analyze the language choice patterns in the educational domain of a madrasah established as an Islamic religious institution. The focus of this study is on Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, which was founded by the Banjar community. The theoretical framework used is Fishman's theory of language choice, which focuses on the patterns of language use in the educational domain, both inside and outside the classroom. According to this theory, language choices reflect not only the need for communication but also social position, cultural identity, and the role of each language in the social structure. This research employs participant observation, unobtrusive recording, and interviews to collect data. The findings indicate that Standard Malay and Arabic are the primary languages used in formal and religious contexts, while the Kedah Malay dialect, English, and Banjar are used in social and informal activities. The use of Arabic in prayers and teachings highlights its significant role in religious aspects. The study also reveals that the use of the Banjar language in social interactions reflects the cultural ties maintained within the community, despite the dominance of Malay and Arabic in religious and educational contexts. This study concludes that language is not just a tool for communication but also an important medium for nurturing cultural identity and linguistic diversity within the madrasah community.


**Keywords:** Educational domain; madrasah; Banjar diaspora community; language choice; sociolinguistics.

### PENGENALAN

Penghijrahan masyarakat Banjar ke Tanah Melayu, termasuk daerah Kerian, berlaku secara besar-besaran pada awal 1900-an. Etnik ini menggunakan pelbagai laluan termasuk jalan laut, sungai, dan darat untuk menetap di kawasan baru. Menurut Jamaludin melalui temu ramah beliau dengan pihak BERNAMA (2024) menyatakan kedatangan Masyarakat Banjar sering tertumpu di kawasan penanaman padi kerana kepakaran mereka dalam bidang tersebut menjadikan mereka terkenal dengan ungkapan "di mana ada padi, di situ ada Banjar." Kepakaran ini menjadi faktor utama mengapa etnik Banjar memilih untuk menetap di daerah seperti Kerian, yang menawarkan tanah subur untuk pertanian padi. Penempatan mereka di kawasan ini bukan sahaja menunjukkan kepakaran mereka dalam pertanian tetapi juga membantu dalam memperkenalkan budaya dan identiti mereka kepada masyarakat tempatan.

Masyarakat Banjar di daerah Kerian, khususnya di Bagan Serai, Perak, merupakan sebahagian daripada diaspora Banjar yang telah lama bertapak di Malaysia (Rujuk Rajah 1). Banjar merupakan salah satu suku dari Kalimantan Selatan, Indonesia, yang berhijrah dengan membawa bersama tradisi, budaya, dan agama Islam mereka ketika berhijrah ke Tanah Melayu pada abad ke-19. Kedatangan mereka banyak dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan politik,

seperti peperangan dan penindasan di tanah asal mereka. Dalam konteks masyarakat Banjar di Bagan Serai, seperti masyarakat muslim yang lain, agama Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka dan terdapat kesungguhan untuk menjaga warisan agama mereka. Ini dapat disaksikan dengan kewujudan institusi seperti Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah yang mencerminkan kepentingan Islam dalam kehidupan mereka. Dalam hal ini, mereka tidak hanya mempraktikkan Islam dalam aspek ritual dan ibadat, tetapi juga menjadikan Islam sebagai landasan sosial dalam kehidupan sehari-hari mereka. Penubuhan madrasah ini yang berfungsi sebagai institusi pendidikan, bukan sahaja memainkan peranan dari segi memastikan kesinambungan identiti keislaman, tetapi juga aspek bahasa Banjar. Hal ini selaras dengan konsep bahawa agama Islam tidak hanya menjadi pegangan hidup tetapi juga identiti budaya yang mempengaruhi pilihan bahasa.



RAJAH 1. Lokasi Mukim Bagan Serai dalam Daerah Kerian

Sumber: Laporan Rangka Projek (LRP) Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035.

PLANMalaysia @Perak. (2020).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memfokuskan pada pilihan bahasa dalam kalangan komuniti di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, yang asalnya dibina oleh komuniti Banjar diaspora, tetapi kini menampung pelajar dari latar belakang Banjar dan bukan Banjar. Penyelidikan ini penting kerana dapat memberikan gambaran mengenai bagaimana pilihan bahasa dalam konteks madrasah mempengaruhi pengekalan identiti etnik serta integrasi budaya dalam kalangan pelajar yang pelbagai latar belakang. Dalam suasana pendidikan agama, bahasa berfungsi sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran, mempengaruhi cara identiti budaya dan agama dipertahankan serta disebarluaskan kepada generasi akan datang.

Barth (1969) berpendapat bahawa bahasa adalah alat yang kritikal dalam mengekalkan identiti etnik, dan dalam konteks madrasah, ini merangkumi bagaimana bahasa tempatan dan bahasa pengantar agama digunakan dalam proses pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana bahasa yang digunakan dalam pengajaran agama mempengaruhi persepsi dan penerimaan identiti budaya dalam kalangan pelajar dari pelbagai latar belakang etnik. Selain itu, madrasah sebagai institusi pendidikan agama menawarkan platform unik untuk menilai bagaimana bahasa digunakan dalam konteks keagamaan dan sosial. Dalam persekitaran madrasah, bahasa bukan sahaja menjadi alat komunikasi tetapi juga mempengaruhi pemahaman dan penghayatan ajaran agama. Ringkasnya, kajian ini ingin melihat sejauh mana bahasa yang digunakan dalam madrasah menyokong kesinambungan identiti etnik Banjar, serta bagaimana dapat memudahkan integrasi dan interaksi antara pelajar Banjar dan bukan Banjar dalam konteks keagamaan.


### **SEJARAH MADRASAH AL-AKHLAK AL-ISLAMIAH, MASJID TINGGI BAGAN SERAI, PERAK**

Berdasarkan temu bual penulis pertama dengan Pengerusi Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Tuan Haji Jamaludin Asaari, madrasah ini telah dibina sekitar tahun 1941, beriringan dengan penubuhan Madrasah Dar al-Ulum, Bagan Dato. Madrasah Dar al-Ulum dipimpin oleh almarhum ayahanda kepada Dato' Haji Hasan Adli, iaitu Tuan Haji Arshad bin Haji Muhammad Salleh, seorang ulama besar yang berasal dari Banjarmasin. Tuan Haji Arshad sering berulang-alik dari Bagan Dato ke Bagan Serai. Pada ketika itu madrasah di Bagan Serai dikendalikan oleh bapa saudara Tuan Haji Jamaludin Asaari, iaitu Haji Abd Rahman Arshad.



ILUSTRASI 1. Di hadapan Tuan Haji Arsyad, di sebelah kanan Tuan Hj Abd Rahman, di sebelah kiri, Ustaz Amin dan di belakang, Hasan Adli

Sumber: Tuan Hj Jamaludin Asaari, cucunda kepada Tuan Haji Arshad



ILUSTRASI 2. Tuan Guru Haji Abd Rahman Arsyad - Pengasas Madrasah Al Akhlak  
Sumber: Tn Hj Jamaludin Asaari, anak saudara kepada Tn Haji Abd Rahman Arsyad

Madrasah ini didirikan oleh masyarakat Banjar tempatan dengan mewakafkan tanah, bendang, kedai, ladang getah, serta ladang sawit. Pada awal penubuhannya, iaitu dari tahun 1941 hingga sekitar tahun 1996, madrasah ini beroperasi tanpa persaingan dari sekolah-sekolah kerajaan yang juga menawarkan aliran agama, seperti yang terdapat di daerah Kerian. Dari tahun 1996 hingga 2008, madrasah ini diambil alih atau dipinjamkan kepada Institut Tinggi Pengajian Islam dan Arab, Perak, Malaysia (MADIWA), dan program berkembar ditawarkan, iaitu pengajian selama dua tahun di bawah insitusi ini dan tahun akhir pengajian diadakan di Mesir. Dari tahun 2009 hingga 2023, Maahad Tahfiz telah dibina di madrasah ini.



ILUSTRASI 3. Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak  
Sumber: Foto diambil oleh penulis pertama di lapangan pada tahun 2023

Seiring dengan perkembangan zaman, Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah telah mengalami beberapa perubahan, termasuk penambahbaikan struktur fizikal dan penyesuaian kurikulum. Namun, matlamat asal untuk menyebarkan ilmu agama dan memupuk akhlak mulia tetap dikekalkan. Madrasah ini juga telah berkembang menjadi pusat komuniti yang bukan sahaja berfungsi sebagai institusi pendidikan agama tetapi turut menjadi tempat berlangsungnya aktiviti keagamaan dan sosial bagi penduduk sekitar. Peranan dan sejarahnya terus hidup melalui catatan lisan, arkib tempatan, dan tradisi yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Jika mengamati kosa ilmu kajian-kajian sosiolinguistik yang menerapkan pendekatan domain dan pilihan bahasa oleh Fishman dan Greenfield (1970), terdapat tiga fenonema yang dapat dirumuskan, iaitu (i) terdapat pengkaji yang mengkaji pilihan bahasa mengikut lima domain klasik yang sedia ada (Jadual 1). Contohnya kajian Kamarudin (2019) membahaskan pemilihan dan percampuran bahasa dalam masyarakat Melayu di wilayah sempadan selatan Thailand dengan merujuk kepada kelima-lima domain yang ditetapkan oleh Fishman dan Greenfield. (ii) terdapat pengkaji yang cuba menyesuaikan dan mengembangkan lima domain klasik tersebut dengan menambah domain-domain lain dalam penelitian. Misalnya kajian Berawati et al. (2020) tentang pilihan bahasa oleh tiga generasi penutur bahasa Bajau di Kota Belud, Sabah selain menuruti domain kekeluargaan, pendidikan dan keagamaan, turut menambahkan domain perkhidmatan dan jual beli. (iii) Sebaliknya, terdapat kajian yang cuba membatasi jumlah domain yang diteliti. Contohnya kajian Saidatul, Aisyah & Wong (2022) pilihan bahasa generasi muda Murut di Keningau hanya tertumpu kepada domain keluarga, persahabatan dan pendidikan sahaja. Berdasarkan penghuraian ini, dapat dikatakan bahawa jarang ada kajian yang menjurus kepada satu domain sahaja. Kajian pilihan bahasa yang berfokus kepada domain yang terbatas diyakini tidak menimbulkan isu seperti fakta yang digambarkan tidak representatif kerana sesebuah kajian yang dibatasi skop kajiannya (pada domain tertentu sahaja) dapat memerihalkan fenomena pilihan bahasa dengan lebih terperinci dan mendalam. Sebagai contoh, kajian Nurul Jannah dan Mohamad Suhaizi (2023) yang berfokus kepada domain keluarga berkahwin campur dalam kalangan anak-anak Orang Asli Jakun telah berjaya mencungkil terdapat penggunaan kata panggilan mengikut afiliasi etnik ibu bapa. Dalam hal ini, anak-anak Orang Asli Jakun dari keluarga campuran Jakun-Melayu akan memilih kata panggilan seperti makcik, pakcik manakala keluarga campuran Jakun-Cina sebaliknya memilih panggilan yang dalam bahasa Cina.

Sesungguhnya, dalam penelitian pilihan bahasa minoriti terutamanya bagi menilai aspek daya tahan bahasa, domain kekeluargaan sering diberi keutamaan kerana institusi kekeluargaan yang mencorakkan pewarisan dan penggunaan sesuatu bahasa minoriti (Sa'adiah 2014; Mohd Khairir 2023; Nurfarahin & Sa'adiah (2023); Saidatul Nornis 2024). Dalam domain pendidikan pula, secara purata, kebanyakan kajian mendapati bahawa bahasa standard digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah manakala bahasa ibunda/dialek tempatan digunakan di luar bilik darjah. Contohnya kajian Dilah Tuah, Chong Shin dan Ahmad Khiri (2023) di sekolah di Telok Melano, Sarawak menunjukkan bahawa bahasa Melayu baku dan bahasa Inggeris

memang digunakan dalam pengajaran tetapi di luar bilik darjah, bahasa yang rancak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak. Faktor ini timbul kerana bahasa Melayu baku merupakan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan formal di sekolah-sekolah. Bagaimana pula dengan institusi pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan seperti madrasah tahfiz atau Sekolah Agama Rakyat? Dalam aliran sistem pendidikan tersebut, kurikulum pengajaran didapati dikelolakan sepenuhnya oleh pihak sekolah dan dipantau atau dikawal oleh Jabatan Agama Islam. Jadi jelas bahawa struktur kurikulumnya berbeza dengan sekolah kerajaan di mana bahasa Melayu diwajibkan sebagai bahasa pengantar pengajaran. Dalam konteks madrasah yang dikaji di Bagan Serai, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa kebangsaan turut digunakan, namun oleh kerana ia juga merupakan sebuah entiti keagamaan, terdapat penggunaan bahasa lain, terutamanya bahasa Arab yang digunakan sebagai bahasa utama. Tambahan lagi, sejajar dengan faktor demografi, madrasah ini yang pada asalnya diasaskan oleh masyarakat Banjar merupakan masyarakat yang multidialektal. Dalam hal ini, bahasa Banjar berdepan dengan persaingan dari dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Perak yang merupakan bahasa interaksi utama dan dari bahasa Melayu baku sebagai bahasa formal di Bagan Serai. Bagi murid-murid yang menuntut di madrasah ini, lingkungan yang multilingual ini turut akan mempengaruhi penggunaan bahasa mereka dalam konteks pendidikan. Namun setakat ini belum ada kajian yang menjurus kepada domain pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan. Berdasarkan permasalahan kajian yang dibincangkan, secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pilihan bahasa dalam domain pendidikan di Madrasah Al-Akhlas Al-Islamiah. Antara rasional melakukan kajian di madrasah ini ialah institusi pendidikan jenis ini didapati lebih kompleks dari segi isu penggunaan bahasa jika dibandingkan dengan institusi pendidikan formal (seperti sekolah-sekolah) yang telah banyak dikaji.

## KAJIAN KEPUSTAKAAN

Dalam usaha untuk memahami pilihan bahasa dalam konteks Islam dan masyarakat Banjar Diaspora di Madrasah Al-Akhlas Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak, kajian ini merujuk beberapa kajian lepas yang relevan. Bahagian ini dimulakan dengan ulasan kajian-kajian yang khusus meneliti pilihan bahasa dalam kalangan komuniti Banjar Diaspora, untuk memberikan latar belakang yang kukuh mengenai fenomena linguistik dalam kalangan masyarakat ini. Kajian-kajian ini memberikan gambaran mengenai bagaimana faktor-faktor seperti generasi, domain sosial, dan sikap terhadap bahasa mempengaruhi penggunaan bahasa Banjar serta interaksi dengan bahasa lain dalam komuniti.

Kajian oleh Wardani, Sukamto, dan Simanjuntak (2016) menyelidik penggunaan bahasa Banjar di Pontianak dengan fokus pada perbezaan sikap dalam kalangan generasi yang berbeza. Kajian ini mendapati bahawa generasi tua mengekalkan penggunaan bahasa Banjar dalam domain rumah dan kejiranan, manakala generasi pertengahan dan muda lebih cenderung menggunakan bahasa Indonesia/Melayu Pontianak, dengan sikap yang semakin negatif terhadap bahasa Banjar. Kajian ini memberikan perspektif penting tentang perubahan generasi dalam penggunaan bahasa Banjar tetapi tidak meneroka secara mendalam bagaimana aspek agama mempengaruhi pilihan bahasa di madrasah. Husni Mubarak (2016) pula menilai

penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga dan pentadbiran kerajaan di Kota Baru. Dapatkan kajian menunjukkan konsistensi dalam penggunaan bahasa Banjar dalam domain keluarga dengan sikap positif, tetapi dalam domain pentadbiran, penggunaan bahasa Banjar adalah bercampur dengan bahasa Indonesia. Kajian ini tidak menilai bagaimana perubahan dalam domain pendidikan mempengaruhi pilihan bahasa, yang merupakan aspek penting dalam kajian ini. Kajian oleh Corisa Charolina (2019) mengenai masyarakat dwibahasa Banjar-Dayak di Palangkaraya memberi tumpuan kepada pilihan bahasa dalam ranah keluarga dengan peralihan kod antara bahasa Banjar, Dayak, dan Indonesia. Kajian ini menggariskan bagaimana konteks perbualan mempengaruhi pilihan bahasa tetapi tidak meneliti bagaimana pengaruh agama dan pendidikan mempengaruhi penggunaan bahasa, yang perlu dipertimbangkan dalam kajian ini.

Selain itu, kajian Ajas, T. dan Chong Shin (2022) di Maluku Tengah menunjukkan dominasi bahasa Ambon di kalangan generasi muda dan penggantian bahasa Sepa. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mengkaji perubahan dalam domain pendidikan, yang merupakan elemen penting dalam kajian ini. Di Sarawak, kajian Chong, Hendrikus, dan Collins (2018) meneliti penggunaan bahasa Bintulu dalam komuniti Penan Muslim sebagai simbol identiti agama Islam. Kajian ini memberi tumpuan kepada identiti agama tetapi tidak meneroka dinamika pilihan bahasa dalam domain pendidikan. Kajian Dilah Tuah et al. (2021) mengenai bahasa Kedayan menunjukkan kestabilan bahasa walaupun terdapat persaingan dari bahasa Melayu dan Iban, tetapi tidak menilai pilihan bahasa dalam konteks pendidikan.

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas memberikan gambaran mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa dalam pelbagai domain tetapi terdapat kekurangan dalam kajian tentang bagaimana perubahan dalam domain pendidikan mempengaruhi pilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Banjar Diaspora. Tambahan lagi, aspek domain pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan diabaikan dari penelitian sosiolinguistik walaupun institusi pendidikan ini kian mendapat sambutan dari masyarakat Islam baik di Malaysia mahupun di Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompong tersebut dengan mengenal pasti corak pilihan bahasa dalam konteks pendidikan di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah.

## KERANGKA KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan domain dan pilihan bahasa yang diutarakan oleh Fishman & Greenfield (1970) dalam Fishman (1971). Dalam mengkaji bagaimana masyarakat Puerto Rico menggunakan bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, Fishman dan Greenfield (1970) dalam Fishman (1971) mengaplikasikan konsep domain. Mereka menggariskan lima domain yang berbeza, termasuk keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, dan pekerjaan. Faktor-faktor seperti peserta, lokasi, dan topik menentukan pembentukan setiap domain. Struktur model domain ini seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Model Domain Pemilihan Bahasa Fishman dan Greenfield (1970)

Domain	Peserta	Tempat	Topik
--------	---------	--------	-------

Keluarga	Ibu-Bapa	Rumah	Bagaimana menjadi anak yang baik
Persahabatan	Teman	Di luar sekolah	Bagaimana cara memainkan suatu permainan
Agama	Petugas agama	Gereja	Bagaimana menjadi pengikut agama yang baik
Pendidikan	Guru	Sekolah	Bagaimana menyelesaikan masalah algebra.
Pekerjaan	Pekerja	Tempat Kerja	Bagaimana melakukan pekerjaan dengan lebih berkesan

Winford (2003) dalam menafsirkan konsep ini menyatakan bahawa: "Analisis domain memberikan pemahaman yang mendalam tentang pola umum pemilihan bahasa dalam masyarakat yang bertutur dwibahasa. Konsep ini menghubungkan bagaimana penggunaan bahasa diperlihatkan oleh individu dalam interaksi verbal sehari-hari." Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada satu domain sahaja, iaitu domain pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan. Aspek yang dianalisis ialah dialog-dialog yang digunakan oleh informan, termasuk guru dan pelajar, dalam domain pendidikan di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah. Melalui analisis hubungan antara pilihan kod bahasa dan domain pendidikan, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana penggunaan bahasa asing atau pengekalan bahasa mempengaruhi bahasa ibunda dalam konteks pendidikan. Selain itu, kajian ini juga akan menentukan situasi atau domain pendidikan mana yang lebih cenderung mendorong peralihan bahasa atau mengekalkan penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di madrasah.

## KAEDAH KAJIAN

Sebagai disiplin ilmu sains sosial, kajian linguistik perlu ditekankan dengan kaedah kajian sistematis dan saintifik kerana sifatnya yang bersifat empirikal. Dalam konteks kajian ini, kaedah kajian didasarkan pada dua aspek utama: pertama, menggunakan sumber rujukan melalui kajian pustaka, dan kedua, mengumpulkan data primer dari lapangan melalui kajian lapangan. Kajian pustaka membolehkan pengkaji memperoleh teori, pendapat, dan konsep yang relevan untuk diterapkan dalam kajian ini, serta memberikan maklumat tentang penyelidikan terdahulu berkaitan dengan pilihan bahasa dalam masyarakat multilingual. Asas teori dan hasil kajian yang relevan merupakan unsur penting dalam penulisan akademik.

Kalau mengikut kelaziman, kajian ke atas pilihan bahasa kelompok minoriti yang difokuskan ialah mengenai sikap mereka terhadap sesuatu bahasa dan kajian-kajian ini biasanya dilakukan dengan pendekatan kuantitatif. Tidak dapat dinafikan bahawa daripada skor berbentuk numerik yang diperoleh, sesuatu tingkah laku dan persepsi terhadap sesuatu bahasa dapat dikenal pasti. Namun demikian, pendekatan ini kurang berupaya dari segi mencungkil ciri-ciri sosiolinguistik sesuatu komuniti yang dikaji. Ini kerana bentuk kajian ini sebenarnya

kajian sosio-psikologi penutur terhadap sesuatu bahasa dan ini seajar dengan hujah Ladegaard (2000), iaitu:

“In the socio-psychology of language, researchers often analysed affective components of language attitude, however, the incorporation of behavioural aspect is scarce. Those studies which have tried to incorporate the behavioural aspect often used an indirect means of eliciting behaviour such as requests given in a particular variety of speech, arguing that if people incorporate, this is seen as indicative of positive attitudes.”

Sehubungan dengan itu, kajian yang bertitik-tolak dari aspek sosio-psikologi hanya menyumbangkan data yang berbentuk pengakuan dan pandangan peribadi penutur terhadap bahasa di sekeliling mereka. Hasil data yang dikumpulkan sama ada mencerminkan situasi yang sebenarnya sukar untuk dikenal pasti. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dipilih bagi mengumpulkan data lapangan berdasarkan bukti empirik. Tanpa kajian lapangan, kajian hanya akan bersifat teoritis, dengan bergantung pada data sekunder yang telah dikumpulkan oleh penyelidik sebelumnya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan teknik pemerhatian ikut serta, satu pendekatan lazim dalam mengkaji pilihan bahasa. Kaedah ini memerlukan penyelidik terlibat secara aktif dalam masyarakat yang dikaji, berinteraksi dengan mereka, serta memahami budaya dan cara hidup mereka. Selain itu, teknik temu bual dengan informan juga digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai madrasah ini, memastikan fakta yang dikemukakan berdasarkan bukti yang sahih. Dalam kajian ini, pengkaji melibatkan 20 orang sampel yang terdiri daripada guru, fasilitator, dan pelajar di madrasah menggunakan teknik pemerhatian ikut serta dan temu bual. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan tujuan (purposive sampling), yang sesuai untuk memilih individu yang boleh memberikan maklumat relevan dan mendalam tentang pilihan bahasa dalam komuniti kajian. Menurut Patton (2015), persampelan tujuan adalah pendekatan yang berkesan untuk kajian kualitatif kerana ia membolehkan penyelidik memilih responden berdasarkan kesesuaian mereka dengan persoalan kajian.

Jadual 2 menunjukkan fokus kajian dalam domain pendidikan di Madrasah Al-Akhlas Al-Islamiah, melibatkan guru dan murid dalam pelbagai tempat dan aktiviti. Kajian ini memerhatikan interaksi di tiga lokasi utama: di luar madrasah, di dewan, dan di dalam kelas. Aktiviti yang dikaji termasuk aktiviti motivasi, latihan nasyid, dan hafalan doa. Dengan melibatkan pelbagai tempat dan jenis aktiviti, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana bahasa digunakan dalam konteks pendidikan dan bagaimana pilihan bahasa mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran di madrasah.

JADUAL 2. Pemilihan Bahasa dalam Domain Pendidikan di Madrasah Al-Akhlas Al-Islamiah

Domain	Peserta	Tempat	Topik
Pendidikan	Guru & Murid	1. Di luar madrasah 2. Di dewan 3. Di dalam kelas	Aktiviti di luar bilik darjah berunsur motivasi Latihan Nasyid Hafalan doa

Di lokasi kajian, penulis pertama telah terlibat secara langsung dalam aktiviti masyarakat, mengamati interaksi mereka, dan merakam percakapan mereka semasa berkomunikasi. Pemilihan sampel dilakukan secara berstruktur, iaitu melibatkan penetapan kriteria tertentu untuk memilih peserta kajian bagi memastikan representasi yang seimbang dan menyeluruh. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menetapkan kriteria seperti peserta, tempat dan topik perlulah bersesuaian dengan domain yang dikaji (Rujuk jadual 2). Contohnya, pengkaji memfokuskan kepada interaksi guru dan murid di luar madrasah, di dewan, dan di dalam kelas semasa aktiviti motivasi, latihan nasyid, dan hafalan doa, untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif tentang bagaimana pilihan bahasa mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran di madrasah. Pemilihan sampel berstruktur ini memastikan setiap subkumpulan dalam populasi diwakili, yang membolehkan pengkaji membuat perbandingan yang sah antara kumpulan-kumpulan tersebut. Kajian ini mengikuti metodologi yang disarankan oleh Creswell (2014) yang menekankan pentingnya pemilihan sampel yang teliti untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang diperoleh.

Rekod percakapan ini diperoleh melalui kaedah rakaman tak sedar untuk memastikan data yang diperoleh adalah asli tanpa sebarang modifikasi. Dengan kata lain, dengan tidak sedar akan kehadiran alat rakaman, penutur cenderung untuk berbicara secara spontan tanpa memperhatikan gaya atau sebutan mereka. Durasi rakaman untuk kajian ini adalah antara 30 hingga 60 minit bergantung kepada kelancaran interaksi dan kesesuaian konteks perbualan yang dirakam. Durasi ini dianggap mencukupi untuk mendapatkan data yang mewakili pola bahasa dan pilihan ujaran secara autentik, sebagaimana disarankan oleh Hammersley dan Atkinson (2007), yang menekankan pentingnya tempoh pemerhatian yang signifikan untuk menghasilkan data kualitatif yang kukuh. Jika durasi spesifik diperlukan, ia boleh diubah suai bergantung kepada konteks kajian.

Data yang diperoleh setelah kajian lapangan terdiri daripada catatan pemerhatian dan rakaman tak sedar. Kesemua rakaman akan dipilih berdasarkan kualiti bunyi yang jelas untuk dianalisis. Data mentah tersebut akan ditranskripsi dengan menggunakan *International Phonetic Alphabet* (IPA). Setiap dialog yang dipaparkan akan disertakan dengan terjemahan bebas bagi menunjukkan maknanya.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pola pilihan bahasa di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, Perak, melalui tiga sesi rakaman tidak sedar yang diperoleh dengan bantuan pengurus madrasah. Rakaman tersebut merangkumi situasi berbeza dalam madrasah, iaitu sesi pengajaran, perbincangan kumpulan, dan perhimpunan rasmi. Analisis ini akan memfokuskan kepada pola penggunaan bahasa dalam setiap situasi. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pola penggunaan bahasa dalam pelbagai situasi di madrasah, serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan bahasa dalam konteks pendidikan dalam komuniti Banjar diaspora di Bagan Serai.

Dalam penyajian data, aksara yang ditebalkan (*Bold*) menandakan bahasa Banjar, sementara kata atau frasa yang digaris bawah menunjukkan penggunaan dialek Melayu Kedah, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris atau dialek lain, dan yang tidak ditanda khas adalah bahasa Melayu standard. Oleh kerana keterbatasan ruangan dalam jurnal, pengkaji hanya membincangkan tiga sesi dialog dari domain yang dikaji. Tiga sesi rakaman ini dipilih untuk memberikan gambaran yang tuntas dan konsisten mengenai pilihan bahasa yang digunakan dalam pelbagai konteks. Melalui analisis terhadap sesi-sesi ini, pengkaji dapat merumuskan pola dan trend dalam penggunaan bahasa, serta bagaimana bahasa tersebut berfungsi dalam interaksi harian di madrasah.

### Sesi Rakaman Pertama: Aktiviti di Luar Bilik Darjah

Sesi rakaman pertama ini memfokuskan kepada aktiviti permainan di luar bilik darjah yang bertujuan untuk melatih fokus pelajar, dengan penekanan pada penggunaan bahasa dalam konteks ini. Rakaman akan merekod bagaimana pengajar memberi arahan dan berkomunikasi dengan pelajar, serta bagaimana pelajar bertindak balas terhadap arahan tersebut dan berinteraksi antara satu sama lain semasa permainan. Analisis ini akan menilai jenis bahasa yang digunakan, sama ada formal atau tidak formal, serta perubahan dalam cara berkomunikasi yang mungkin berlaku semasa aktiviti.

#### Peserta Dialog

- R001/ DPD(5): Fasilitator (lelaki, 20-an)  
R002/ DPD(5): Fasilitator (lelaki, 20-an)  
R003/ DPD(5): Murid (lelaki, 13 tahun)  
R004/ DPD(5): Guru (lelaki, 30-an)  
R005/ DPD(5): Murid (lelaki, 13 tahun)  
R006/ DPD(5): Semua murid Pra Tahfiz

JADUAL 3. Aktiviti di Luar Bilik Darjah

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPD(5)	/mənari marina mənarə/ <u>menari, marina menare</u>	
R003/ DPD(5)	/?ai? ?awat matʃam tu/ <u>Ait awat macam tu</u>	
R002/ DPD(5)	/oke ?anjkat tangan tərus tərus səkaraŋ pusin/ <u>Ok...Angkat tangan. terus...terus. Sekarang pusing</u>	
R005/ DPD(5)	/  ajan ləpas   ajan ləpas/	<b>Aktiviti di Luar Bilik Darjah</b>

	Jangan lepas..jangan lepas.	
R004/ DPD(5)	/pəsərtə bər  aja məŋələsai?kan task/  Peserta berjaya menyelesaikan <u>task</u>	
R002/ DPD(5)	/okey kətuk kətuk boboboi okey/ Ok. Ketuk-ketuk Bo Bo Boi.Ok	
R006/ DPD(5)	/tərbaik/  Terbaik	

Dalam sesi rakaman pertama yang melibatkan aktiviti permainan di luar bilik darjah, terdapat penggunaan pelbagai bahasa, termasuk bahasa Melayu standard, bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Perak dan bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Melayu standard dapat dilihat dalam arahan fasilitator seperti "Ok...Angkat tangan. Terus...terus. Sekarang pusing" yang mencerminkan pendekatan yang lebih formal dan mudah difahami oleh semua peserta, termasuk mereka yang mungkin berasal dari latar belakang bahasa yang berbeza. Penggunaan bahasa Melayu standard ini memastikan bahawa arahan dapat difahami dengan jelas dan meluas oleh semua murid. Di samping itu, kehadiran dialek Melayu Kedah dan bahasa Banjar turut memberikan warna dalam komunikasi antara peserta. Frasa seperti "*Ait awat macam tu*" mencerminkan penggunaan dialek Melayu Kedah, yang menunjukkan bagaimana elemen tempatan diserap dalam interaksi harian, sementara perkataan seperti "marina" yang merujuk saudara menunjukkan unsur bahasa Banjar yang digunakan, mungkin untuk mengekalkan identiti budaya atau sebagai tanda hormat terhadap warisan bahasa komuniti Banjar di Bagan Serai. Penggunaan istilah "task" dalam konteks ini menunjukkan pengaruh bahasa Inggeris dari segi pilihan kod bahasa. Faktor ini mungkin disebabkan oleh faktor seperti kesan globalisasi, peningkatan pendedahan kepada bahasa Inggeris dalam pendidikan, atau keperluan untuk menggunakan istilah yang spesifik dan difahami dalam konteks pembelajaran. Dalam persekitaran pendidikan seperti di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, penggunaan kata seperti "task" mungkin dilihat sebagai cara untuk menjelaskan tugas dengan lebih tepat atau sebagai sebahagian daripada bahasa pedagogi yang telah diterima oleh guru dan pelajar. Penggunaan istilah "menare" oleh fasilitator yang bukan berasal dari dialek tempatan di kawasan tersebut menunjukkan bagaimana fasilitator tersebut mengekalkan dialek Melayu Perak dalam komunikasi. Ini menggambarkan bagaimana seseorang individu boleh terus menggunakan dialek asal mereka walaupun berada di kawasan dengan dialek atau bahasa tempatan yang berbeza. Penggunaan dialek Melayu Perak dalam konteks ini memperlihatkan kepelbagaiannya linguistik dan menekankan pengaruh latar belakang bahasa peribadi dalam interaksi harian, walaupun ia tidak selaras dengan dialek tempatan di kawasan madrasah. Integrasi pelbagai bahasa ini memperlihatkan bagaimana murid-murid dan fasilitator menggabungkan elemen linguistik yang berbeza dalam satu konteks, mencerminkan kepelbagaiannya linguistik yang wujud dalam persekitaran pendidikan di madrasah.

Integrasi pelbagai bahasa ini memperlihatkan bagaimana murid-murid dan fasilitator menggabungkan elemen linguistik yang berbeza dalam satu konteks, mencerminkan kepelbagaiannya yang wujud dalam persekitaran pendidikan di madrasah ketika melakukan aktiviti di luar kelas.

### Sesi Rakaman Kedua: Latihan Nasyid di Madrasah

Sesi rakaman kedua memfokuskan kepada latihan nasyid di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, yang bertujuan untuk meneroka penggunaan bahasa dalam konteks aktiviti seni dan keagamaan. Rakaman ini akan merekod bagaimana pengajar memberikan arahan dan berkomunikasi dengan pelajar semasa latihan nasyid, serta bagaimana pelajar berinteraksi antara satu sama lain dalam proses latihan tersebut. Analisis ini akan menilai jenis bahasa yang digunakan sama ada formal atau tidak formal dan bagaimana bahasa mempengaruhi dinamika latihan nasyid, termasuk konsentrasi dan kerjasama pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk memahami bagaimana konteks keagamaan dan budaya mempengaruhi pilihan bahasa dalam aktiviti seni di madrasah.

#### Peserta Dialog

- R001/ DPD(5): Murid (lelaki, 13 tahun)  
R002/ DPD(5): Guru (lelaki, 30-an)  
R003/ DPD(5): Murid (lelaki, 13 tahun)  
R004/ DPD(5): Murid (lelaki, 13 tahun)

JADUAL 4. Latihan Nasyid di Madrasah

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPD(5)	/asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh allahuma?sallij wasallim ?ala sajjidina muhammad wa?ala ?alihi wa?sa?bihi ?a m?inj/  <u>Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.</u> <u>Allahumaslim wasalim 'ala sayyidina Muhammad wa'ala</u> <u>alihi wa sahbibi ajma'in.</u>  -Sesi latihan-	
R002/ DPD(5)	/oke? selsai? nak ulang sekali lagi tak/  Ok selesai?nak ulang sekali lagi tak?	
R001/ DPD(5)	/ha/ Ha...	
R002/ DPD(5)	/okey ulan ulan. nak bwa? lagu lainka nak bawa? lagu sam? /	

		Latihan Nasyid di Madrasah
	Ok. Ulang ulang.Nak buat lagu lainka nak buat lagu same?	
R001/ DPD(5)	/lagu lajn/ Lagu lain.	
R002/ DPD(5)	/lagu lajn? oke bawa? jabadratim jabadratim/ Lagu lain? Ok bawak. <u>Yabadratim Yabadratim</u> (tajuk lagu). -Sesi latihan-	
R002/ DPD(5)	/oke dah? kalau tak puaih hati lepaih maghrib nanti kita bawa? lagi okey bagi abaq abaq pulak pi trai? maik tu tutop dulu tutop dulu tepok. ni bawa? pəsembahan   . tak de mənəq takdə kalah./  Ok dah? Kalau tak <u>puaih</u> hati <u>lepaiah</u> maghrib nanti kita buat lagi. Ok bagi abang-abang pulak pi <u>try</u> . Eh mic tu tutop dulu tutop dulu. Tepok.Ni buat persembahan je.Tak de menang takde kalah.	
R004/ DPD(5)	/ustad nak ambik air/  Ustad nak <u>ambil</u> air.	
R002/ DPD(5)	/oke oke minum er . tʃəpatla ala. okey stændbai sədia mula/  Ok ok. Minum air.Cepatla alaa (persembahan tidak dimulakan lagi). Ok <u>standby</u> , sedie mula.	
R004/ DPD(5)	/θri fɔr/  <u>Three four</u>	
R002/ DPD(5)	/sallalahu ʃalaihi wasallam ʃalaik/ Sallallahu alaihi wa sallam 'alaik.	

Dalam sesi rakaman kedua yang memfokuskan pada latihan nasyid di Madrasah Al-Akhlas Al-Islamiah, analisis terhadap pilihan bahasa menunjukkan pelbagai elemen linguistik yang digunakan secara serentak. Ungkapan keagamaan seperti "*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*" dan "*Allahumasalam wasalim 'ala sayyidina Muhammad wa 'ala alihu wa sahibih ajma'in*" digunakan untuk memulakan sesi dengan doa dan salam, menekankan kepentingan elemen spiritual dalam aktiviti nasyid. Ini menunjukkan bahawa aspek keagamaan adalah penting dalam pengajaran dan interaksi di madrasah. Penggunaan bahasa Melayu standard adalah dominan dalam komunikasi, menunjukkan kepentingan dan fungsi bahasa ini dalam konteks pendidikan. Arahan dan pertanyaan seperti "Ok selesai" Nak ulang sekali lagi tak?" dan lagu lain? memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu standard untuk memastikan semua peserta memahami arahan dan aktiviti dengan jelas. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu standard digunakan secara meluas untuk tujuan yang formal dan praktikal dalam sesi latihan, yang memudahkan interaksi dan memastikan kelancaran proses latihan.

Selain itu, terdapat penggunaan dialek Melayu Kedah dan bahasa Inggeris dalam sesi tersebut. Frasa seperti "*lepaiah*", "*puaih*" dan "*standby*", "*try*" dan "*three four*" menunjukkan penggunaan dialek Melayu Kedah dan bahasa Inggeris yang digunakan untuk arahan praktikal dan koordinasi. Penggunaan frasa ini menunjukkan bagaimana elemen global dan lokal

diintegrasikan dalam sesi latihan, memudahkan komunikasi dan penyelarasan antara guru dan pelajar. Integrasi ini memperlihatkan kepelbagaiannya linguistik di madrasah, di mana bahasa Melayu standard, dialek tempatan, dan bahasa Inggeris saling melengkapi untuk memastikan komunikasi yang berkesan dan sesuai dalam konteks latihan. Dari segi penggunaan kosa kata Inggeris dalam dialog ini, didapati bahawa pilihannya berkaitan dengan situasi sesebuah dialog. Walaupun Nasyid merupakan lagu keagamaan, namun oleh kerana lagu ini berstatus prestij, ditambah lagi ianya berlangsung dalam sesi pelatihan yang formal, maka pencampuran kod bahasa Inggeris dikenalpasti dalam dialog ini. Gejala ini menunjukkan hakikat bahawa bahasa Inggeris menyaingi bahasa Melayu baku dalam konteks-konteks tertentu.

### Sesi Rakaman Ketiga: Pengajaran di dalam Madrasah

Sesi rakaman ketiga memfokuskan kepada aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, dan merupakan kesinambungan daripada dua sesi sebelumnya yang meneliti penggunaan bahasa dalam konteks aktiviti luar bilik darjah dan latihan nasyid. Dalam sesi ini, tumpuan diberikan kepada cara pengajaran berlaku dalam persekitaran formal madrasah, dengan menilai bagaimana bahasa digunakan oleh pengajar dan pelajar dalam situasi pembelajaran. Rakaman ini bertujuan untuk mendalami jenis bahasa yang digunakan semasa pengajaran, sama ada bahasa Melayu standard, dialek tempatan, atau bahasa asing, dan bagaimana pilihan bahasa ini mempengaruhi interaksi serta proses pengajaran dan pembelajaran.

#### *Peserta Dialog*

R001/ DPD(5): Guru (lelaki, 30-an)

R002/ DPD(5): Semua pelajar lelaki di dalam kelas

JADUAL 5: Aktiviti Di Dalam Bilik darjah

Responden	Perbualan	Topik atau situasi
R001/ DPD(5)	/bismilahirrahmanirrahim, bismilalsafi/ <u>Bismillahirrahmanirrahim, bismillah al-Shafi</u>	Penerapan Amalan Doa
R002/ DPD(5)	/bismilahirrahmanirrahim, bismilalsafi/ <u>Bismillahirrahmanirrahim, bismillah al-Shafi</u>	
R001/ DPD(5)	/bismilal'kafi/ <u>Bismillah al-Kafi</u>	
R002/ DPD(5)	/ bismilal'kafi/ / <u>Bismillah al-Kafi</u>	
R001/ DPD(5)	/bismilal'mafi/ <u>Bismillah al-Maafi</u>	
R002/ DPD(5)	/bismil:al'mafi/ <u>Bismillah al-Maafi</u>	

R001/ DPD(5)	/bismilla hillazi la: jædor.ru ma: ?æsmihi/ <u>Bismillahillazi la yadhurru ma'asmih</u>	
R002/ DPD(5)	/bismilla hillazi la: jædor.ru ma: ?æsmihi/ <u>Bismillahillazi la yadhurru ma'asmih</u>	
R001/ DPD(5)	/ʃa?i?un fil ?ardı wala fissæma: ?i wahuwa ?æssamı?ul ?ælim/ <u>Shai'un fil ardhi wala fissama'i wa huwa assami'ul alim</u>	
R002/ DPD(5)	/ʃa?i?un fil ?ardı wala fissæma: ?i wahuwa ?æssamı?ul ?ælim/ <u>Shai'un fil ardhi wala fissama'i wa huwa assami'ul alim</u>	
R001/ DPD(5)	/bismilahirrahmanirrahim ?allahuma barik lana fima razaqtana wa qina ?æðabannar/  <u>Bismillahirrahmanirrahim, Allahumma barik lana</u> <u>fimarazaqtana wa qina 'adhaban-nar.</u>	
R002/ DPD(5)	/bismilahirrahmanirrahim ?allahuma barik lana fima razaqtana wa qina ?æðabannar/  <u>Bismillahirrahmanirrahim, Allahumma barik lana fima</u> <u>razaqtana wa qina 'adhaban-nar.</u>	
R001/ DPD(5)	/ja?allah:, dèngan rəzkimu kami makan/ Ya, Allah, dengan rezeki-Mu,kami makan	
R002/ DPD(5)	/ja?allah:, dèngan rəzkimu kami makan/ Ya, Allah, dengan rezeki-Mu,kami makan	
R001/ DPD(5)	/dèngan rahmat mu kami kəñəŋ/ Dengan rahmat-Mu kami kenyang	
R002/ DPD(5)	/dèngan rahmat mu kami kəñəŋ/ Dengan rahmat-Mu kami kenyang	
R001/ DPD(5)	' amin jarbal ʃalamm/ Amin ya Rabbal 'Alamin	
R002/ DPD(5)	' amin jarbal ʃalamin/ Amin ya Rabbal 'Alamin	

Dalam sesi rakaman ketiga, yang memfokuskan kepada pengajaran di dalam bilik darjah Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, pengajaran ditunjukkan melalui proses yang mengintegrasikan amalan doa dengan aktiviti pembelajaran. Guru memulakan sesi dengan membaca doa, seperti "*Bismillahirrahmanirrahim*," "*Bismillah al-Shafi*," dan "*Bismillah al-Kafi*." Doa-doa ini dibaca secara berulang oleh guru dengan menggunakan bahasa Arab, iaitu ayat-ayat daripada Al-Quran, yang memberi isyarat kepada pelajar tentang kepentingan amalan keagamaan dalam konteks pembelajaran. Pelajar pula mengikuti dengan penuh perhatian, mengulangi doa yang dibaca oleh guru. Aktiviti ini bukan hanya mencerminkan penghayatan terhadap doa-doa tersebut, tetapi juga menunjukkan proses penghafalan yang diterapkan dalam pengajaran. Dengan guru membimbing dan pelajar mengikut, sesi ini memperlihatkan pendekatan yang menggabungkan pengajaran agama dengan teknik hafalan, yang merupakan sebahagian daripada kurikulum madrasah.

Penggunaan bahasa Melayu standard dalam doa-doa dan komunikasi antara guru dan pelajar memastikan keseragaman dan kefahaman yang jelas. Frasa seperti "*Ya, Allah, dengan rezeki-Mu kami makan,*" dan "*Dengan rahmat-Mu kami kenyang,*" menegaskan peranan doa sebagai alat untuk memohon keberkatan dan memupuk kesedaran spiritual dalam diri pelajar. Secara keseluruhan, sesi rakaman ini menonjolkan integrasi doa dan hafalan dalam proses pengajaran, menunjukkan bagaimana aspek keagamaan dan pedagogi digabungkan untuk memperkuuhkan pembelajaran di madrasah.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Ketiga-tiga sesi rakaman yang dijalankan di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai, memperlihatkan pelbagai dimensi penggunaan bahasa dalam konteks pendidikan dan aktiviti keagamaan. Penggunaan bahasa Melayu standard dominan dalam semua sesi, khususnya dalam memberikan arahan dan pengajaran, memastikan keseragaman dan kefahaman dalam kalangan peserta dari pelbagai latar belakang bahasa. Di samping itu, kehadiran dialek tempatan seperti bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dan dialek Melayu Perak memperkayakan interaksi dengan elemen budaya dan identiti komuniti. Penggunaan bahasa Inggeris juga menunjukkan pengaruh globalisasi dalam persekitaran pendidikan madrasah ini.

Setiap sesi memperlihatkan integrasi aspek keagamaan yang kuat, seperti melalui doa dan salam, yang menjadi teras kepada aktiviti dan pengajaran. Dalam konteks ini, bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi tetapi juga sebagai alat untuk mengukuhkan identiti keagamaan dan budaya dalam kalangan pelajar dan guru. Pendekatan yang menggabungkan pengajaran agama dengan teknik hafalan dan seni, seperti dalam latihan nasyid, menunjukkan bagaimana aspek spiritual dan pedagogi dapat digabungkan secara harmoni untuk memperkuuh pembelajaran di madrasah. Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan kepelbaaan linguistik dan budaya dalam persekitaran pendidikan, serta bagaimana bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan kefahaman bersama dalam kalangan komuniti madrasah.

Rumusan analisis ini sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh Fishman (1972) mengenai fungsi bahasa dalam konteks domain, yang menekankan pentingnya peranan bahasa dalam membentuk dan mengekalkan identiti budaya dan sosial. Dalam kajian ini, penglibatan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pengajaran dan arahan di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah menyokong penekanan Fishman terhadap keseragaman dan kefahaman dalam proses pendidikan. Di samping itu, kehadiran dialek tempatan dan bahasa Inggeris mencerminkan kekayaan linguistik dan pengaruh global dalam persekitaran pendidikan, yang konsisten dengan pandangan Holmes (2013) yang menunjukkan bagaimana bahasa dapat menjadi alat untuk menghubungkan identiti tempatan dengan perubahan global.

## KESIMPULAN

Analisis terhadap sesi rakaman di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah menunjukkan kepelbaaan dalam penggunaan bahasa yang mencerminkan konteks pendidikan dan

keagamaan yang unik. Penggunaan bahasa Melayu standard mendominasi dalam memberikan arahan dan pengajaran, memastikan keseragaman dan kefahaman dalam kalangan peserta dari pelbagai latar belakang bahasa. Sementara itu, kehadiran dialek tempatan seperti bahasa Banjar, dialek Melayu Kedah, dan dialek Melayu Perak menunjukkan integrasi budaya yang mendalam dalam interaksi sehari-hari di madrasah. Penggunaan bahasa Inggeris juga mencerminkan pengaruh globalisasi, menambah dimensi kepada komunikasi dalam konteks pembelajaran. Aspek keagamaan yang kuat dalam setiap sesi, melalui doa dan salam, menekankan peranan bahasa dalam memperkuuhkan identiti keagamaan dan budaya. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa bahasa di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi tetapi juga sebagai alat untuk membentuk dan mengekalkan identiti budaya dan keagamaan. Integrasi pelbagai bahasa dan dialek dalam persekitaran pendidikan ini memperlihatkan bagaimana aspek pedagogi dan spiritual dapat digabungkan dengan harmonis. Penekanan pada bahasa Melayu standard untuk tujuan pengajaran dan arahan menyokong penekanan Fishman (1972) mengenai keseragaman dalam pendidikan, sementara kehadiran elemen linguistik tempatan dan globalisasi memperkaya konteks pendidikan sesuai dengan pandangan Holmes (2013).

Dalam konteks domain pendidikan di Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, vitaliti bahasa Banjar tercermin melalui penggunaannya dalam interaksi sosial dan aktiviti budaya di luar bilik darjah, walaupun bahasa Melayu standard mendominasi dalam sesi pengajaran dan latihan formal. Penggunaan bahasa Banjar dalam perbualan harian dan aktiviti bukan formal menunjukkan bahawa bahasa ini masih berperanan penting dalam mengekalkan identiti budaya dan memupuk hubungan sosial dalam kalangan pelajar dan staf madrasah. Ini memperlihatkan bagaimana bahasa Banjar tetap relevan dalam konteks bukan formal, menyumbang kepada kekayaan linguistik dan budaya dalam persekitaran pendidikan madrasah. Penyelidikan ini diharapkan dapat memperkaya pemahaman tentang dinamika bahasa dalam komuniti minoriti, serta memberikan sumbangan penting kepada kajian tentang peranan bahasa dalam mengekalkan identiti budaya dan agama dalam masyarakat yang berbilang etnik.

## RUJUKAN

- Ajas, T. & Chong Shin. 2022. Pemilihan bahasa di Kampung Sepa, Maluku Tengah, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6(1), 73-85.
- Barth, F. 1969. *Ethnic Groups and Boundaries: The Social Organization of Culture Difference*. Little, Brown and Company.
- Berawati Renddan, A., Abdul Aziz, A. Y., Mohamad, H., & Sha'ri, S. N. 2020. Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96-107.
- BERNAMA. 2024. Ogos 28. Kenali ‘Kulaan Banjar’ di Bagan Serai. 28 Ogos <https://www.getaran.my/artikel/budaya/56092/kenali-kulaan-banjar-di-bagan-serai-bantu>
- Charolina, C. 2019. Pilihan bahasa masyarakat bilingual Banjar-Dayak di Palangka Raya dalam Ranah Keluarga. Tesis Sarjana, Universiti Negeri Samarang.

- Chong Shin, C., Hendrikus Mangku, & Collins, J. T. 2018. Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 61-80.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications.
- Dilah Tuah, D., Chong Shin, & Ahmad Khiri, A. 2023. Language Attitude Among the Border Community at Telok Melano, Malaysia and Temajuk, Indonesia: A Preliminary Study. *SUVANNABHUMI: Multi-disciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, 15(1), 229-254.
- Dilah Tuah, D., Chong Shin, Remmy Gedat, R., & Mohammed Azlan Mis, M. A. 2021. Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Etnik Minoriti Kedayan di Bekenu, Sarawak: Satu Penelitian Awal. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 177-195.
- Fishman, J. A. 1971. The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society. Dlm. Fishman, J.A. (pnyt). *Advances in Sociology of Language*, hlm. 217-405. The Hague: Mouton.
- Fishman, J. A. 1972. *Language and Nationalism: Two Integrative Essays*. Rowley, MA.
- Fishman, J. A., & Greenfield, H. 1970. *Language in Sociocultural Change*. Stanford University Press.
- Hammersley, M., & Atkinson, P. 2007. *Ethnography: Principles in Practice* (3rd ed.). London: Routledge.
- Holmes, J. 2013. *An Introduction to Sociolinguistics* (4th ed.). Routledge.
- Husni Mubarak. 2016. Sikap bahasa masyarakat Banjar dalam ranah keluarga dan pemerintah Kabupaten Kotabaru Kecamatan Pulau Laut Utara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*.
- Kamaruddin Isayah. 2019. Analisis pemilihan dan percampuran bahasa dalam masyarakat Melayu di wilayah sempadan Selatan Thailand. Disertasi PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Ladegaard, H. J. 2000. Language attitudes and sociolinguistic behaviour: Exploring attitude-behaviour relations in language. *Journal of Sociolinguistics*, 4(2), 214–233. doi:10.1111/1467-9481.00112
- Mohd Khairid Abdul Wahab. 2023. Sikap bahasa dan pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Melayu*, 22(2), 22-53.
- Mubarak, H. 2016. Sikap bahasa masyarakat Banjar dalam ranah keluarga dan pemerintah Kabupaten Kotabaru Kecamatan Pulau Laut Utara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*.
- Nurfarahin Baharudin & Ma’alip, Sa’adiah. 2023. *Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis di Melaka dan Jakarta: Satu Perbandingan Awal*. *Jurnal Melayu*, 22(1), 1-24.
- Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. 2023. Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (Ijleal)*, 13(1), 47-56.
- Patton, M. Q. 2015. *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- PLANMalaysia @Perak. 2020. *Laporan Rangka Projek (LRP) Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035*.
- Sa’adiah Ma’alip. 2014. Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Che Wong. *Jurnal Melayu*, 12(1), 32-43.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. 2024. Ragam-ragam bahasa Murut di Sabah. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember*, 40, 1–15.

- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Wong, M.M. 2022. Bahasa Murut di Sabah: Satu paparan dini. *Jurnal Melayu*, 21(1), 22-41.
- Wardani, I., Sukamto, D., & Simanjuntak, H. 2016. Pemilihan dan sikap bahasa warga Bubuhan Banjar di Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 5(10).
- Winford, D. 2003. *An Introduction to Contact Linguistics*. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.

## PENGHARGAAN

Penulis pertama ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas sokongan dan galakan yang diberikan untuk menyambung pengajian PhD Kedua. Selain itu, penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta kepada semua responden yang terlibat dalam kajian di Mukim Bagan Serai.

### Biodata Penulis:

**Mohd Khadir Abdul Wahab (Ph.D)** ialah pensyarah kanan di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah sejarah bahasa Melayu, linguistik sejarah bahasa Austronesia dan falsafah bahasa. Penulis sedang membuat PhD kedua dalam bidang sosiolinguistik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Chong Shin (Ph.D)** adalah Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berfokus pada bidang Sosiolinguistik dan Dialektologi suku peribumi dan Sinitik di Borneo, khususnya Kalimantan Barat (Indonesia dan Sarawak).

**Karim Harun (Ph.D)** adalah Prof. Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Bahasa Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran penulis ialah bidang linguistik, sejarah linguistik dan psikolinguistik.

**Jamaludin Asaari** adalah pengurus Madrasah Al-Akhlaq Al-Islamiah, Masjid Tinggi, Bagan Serai dan tokoh masyarakat Banjar di Masjid Tinggi Bagan Serai, Perak.